



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 6 TAHUN 1984**

**DASAR LATIHAN DAN PELAKSANAANNYA**

**1. Tujuan**

1.1 Tujuan pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk menerangkan ciri-ciri dasar latihan Kerajaan dan pelaksanaannya.

**2. Dasar Latihan**

2.1 Dasar latihan Kerajaan adalah mengadakan rancangan latihan untuk memenuhi objektif-objektif seperti berikut:

- (i) penyediaan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berkebolehan;
- (ii) pencapaian hasil kerja yang bermutu tinggi;
- (iii) peningkatan kemahiran, kecekapan dan daya pengeluaran; dalam perkhidmatan awam.

2.2 Dasar tersebut boleh dicapai melalui dua rancangan, iaitu:

- (a) latihan sebelum-perkhidmatan;
- (b) latihan dalam-perkhidmatan.

**3. Sistem Pelaksanaan**

3.1 Dasar latihan ini adalah dilaksanakan pada tiga peringkat, seperti berikut:

- (i) Jumaah Menteri, oleh Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan (sebuah Jawatankuasa Jumaah Menteri);
- (ii) Agensi Pusat, oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan,
- (iii) Kementerian, Jabatan dan Kerajaan Negeri.

**4. Peringkat Jumaah Menteri**

4.1 Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan, iaitu sebuah Jawatankuasa Jumaah Menteri merupakan kuasa yang tertinggi mengenai dasar latihan dan perkara-perkara yang berkaitan

dengannya. Keanggotaan Jawatankuasa Tetap ini adalah seperti berikut :

*Pengerusi*

Y.A.B. Perdana Menteri;

*Ahli-ahli*

Y.B. Menteri Pelajaran;

Y.B. Menteri Kewangan;

Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Y.B. Menteri Luar Negeri; dan

Y.B. Ketua Setiausaha Negara.

*Urusetia*

Jabatan Perkhidmatan Awam

(Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya).

4.2 Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan adalah dibantu oleh :

- (i) Majlis Kebangsaan Latihan Jabatan (MKLJ);
- (ii) Jawatankuasa Kecil Biasiswa dan Latihan.

4.3 Majlis Kebangsaan Latihan Jabatan (MKLJ), yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan, mempunyai keanggotaan dan tugas-tugas seperti berikut:

*Pengerusi*

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

*Ahli-ahli*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri;

Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia;

Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi;

Ketua Pengarah, Unit Penyelaras Pelaksanaan;

Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya;

Ketua Pengarah Kesihatan;

Ketua Pengarah Telekom;

Ketua Pengarah MARA; dan

Pengurus Besar, Lembaga Letrik Negara.

*Setiausaha*

Pengarah, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Jabatan Perkhidmatan Awam.

*Tugas-tugas*

- (a) merangka dasar latihan untuk keperluan negara;
- (b) memastikan bahawa kemudahan latihan dalam Perkhidmatan Awam adalah mencukupi untuk keperluan negara;
- (c) menentukan keutamaan, pendekatan dan piawaian (standard) dalam dasar latihan;
- (d) menilai kesan-kesan dasar latihan; dan

(e) menimbulkan penubuhan atau pembesaran institusi-institusi latihan.

**4.3.1** Sebuah Jawatankuasa Kerja Latihan Jabatan (JKLJ) adalah diwujudkan untuk membantu Majlis Kebangsaan Latihan Jabatan. Keanggotaan dan tugas-tugas JKLJ adalah seperti berikut:

*Pengerusi*

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I.

*Ahli-ahli*

Pengarah, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Jabatan Perkhidmatan Awam;

Pengarah, Institut Tadbiran Awam Negara;

Pengarah, Bahagian Latihan Guru, Kementerian Pelajaran;

Pengarah, Bahagian Latihan MARA;

Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Rakyat;

Wakil:

Ketua Pengarah Kesihatan;

Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya;

Ketua Pengarah Telekom; dan

Pengurus Besar, Lembaga Letrik Negara,  
yang bertanggungjawab mengenai latihan.

*Tugas-tugas*

(a) melaksanakan dasar latihan;

(b) menyelaraskan semua rancangan-rancangan latihan jabatan.

**4.3.2** Jawatankuasa Kecil Biasiswa dan Latihan, yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan, mempunyai keanggotaan dan tugas-tugas seperti berikut:

*Pengerusi*

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I.

*Ahli-ahli*

Setiausaha, Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pelajaran; dan

Setiausaha, Bahagian Pentadbiran, Perbendaharaan.

*Setiausaha*

Pengarah, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Jabatan Perkhidmatan Awam.

*Tugas-tugas*

(a) menetapkan kadar-kadar, elauan-elauan dan kemudahan-kemudahan bagi biasiswa, dermasiswa dan hadiah-hadiah latihan yang lain;

(b) mengkaji prinsip-prinsip pembentukan mengenai hadiah-hadiah biasiswa dan latihan untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Biasiswa dan Latihan.

## **5. Peringkat Agensi Pusat**

5.1 Jabatan Perkhidmatan Awam adalah agensi pusat yang bertanggungjawab mengenai pelaksanaan dasar latihan pada keseluruhannya, termasuk penyelarasan tawaran-tawaran latihan dari negara-negara asing, badan-badan antarabangsa dan lain-lain.

## **6. Peringkat Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Perbadanan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

6.1 Tiap-tiap Kementerian serta Jabatan, Badan Berkanun dan Perbadanan di bawah tanggungjawab Kementerian yang berkenaan hendaklah mewujudkan “jawatankuasa latihan” masing-masing. Jawatankuasa latihan itu hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah, Pengurus Besar atau Pengarah di mana yang berkenaan, dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab di atas perkara-perkara latihan dan kemajuan kerjaya. Tugas-tugas jawatankuasa latihan itu ialah menentukan keperluan latihan serta menjalankan rancangan latihan yang sewajarnya.

6.2 Tiap-tiap Kerajaan Negeri serta Jabatan, Badan Berkanun, Perbadanan dan Kuasa-kuasa Tempatan di bawah tanggungjawabnya hendaklah mewujudkan jawatankuasa latihan masing-masing. Keanggotaan serta tugas-tugas jawatankuasa latihan itu hendaklah menyerupai dan selaras dengan peringkat Persekutuan seperti yang dinyatakan di perenggan kecil 6.1 di atas.

6.3 Jawatankuasa-jawatankuasa latihan seperti yang dibentuk di atas adalah tertakluk kepada dasar latihan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkuasa seperti yang dinyatakan di perenggan-perenggan 4.1, 4.3, 4.3.1 dan 4.3.2 di atas.

## **7. Panduan mengenai hadiah-hadiah latihan**

7.1 Bagi maksud latihan untuk pegawai-pegawai Kerajaan, punca-punca hadiah latihan boleh dibahagikan seperti berikut:

- (i) Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Rancangan Colombo;
- (iii) Negara-negara Asing;
- (iv) Badan-badan Antarabangsa;
- (v) ASEAN;
- (vi) Rancangan Bersama Malaysia dengan negara-negara asing dan badan-badan antarabangsa; dan
- (vii) Yayasan-yayasan, lembaga-lembaga, badan-badan amal dan sebagainya dari dalam dan luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan.

7.2 Semua tawaran hadiah-hadiah latihan seperti di perenggan 7.1 di atas hendaklah dibuat melalui Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapat pertimbangan.

7.3 Peraturan menimbangkan hadiah latihan bagi kursus-kursus jangka pendek selama 3 bulan atau kurang adalah seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1979.

7.4 Panel Pemilihan hendaklah diwujudkan untuk menimbulangkan calon-calon bagi penganugerahan hadiah-hadiah biasiswa untuk mengikuti kursus-kursus panjang, iaitu kursus yang tempohnya adalah melebihi 3 bulan termasuk hari-hari hujung minggu dan kelepasan am. Panel Pemilihan itu hendaklah mengandungi wakil Jabatan Perkhidmatan Awam jika difikirkan perlu. Peraturan ini hendaklah juga diikuti dalam menimbulangkan hadiah-hadiah latihan yang ditawarkan terus kepada pegawai-pegawai Kerajaan oleh kerajaan-kerajaan asing, badan-badan antarabangsa dan lain-lain pengajur daripada luar negeri.

7.5 Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Perbadanan Persekutuan hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung dengan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) cadangan untuk mendapatkan pakar-pakar latihan daripada luar negeri;
- (b) penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan dalam seminar-seminar, persidangan, forum-forum dan lawatan sambil belajar yang berkaitan dengan latihan dalam perkhidmatan.

7.6 Kementerian Luar Negeri adalah menjadi saluran rasmi untuk memanjangkan tawaran-tawaran dan permohonan untuk hadiah-hadiah latihan oleh pihak-pihak yang dinyatakan di perenggan 7.1 (ii), (iii), (iv), (v), (vi) dan (vii).

## **8. Tarikh berkuatkuasa**

8.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

## **9. Pembatalan**

9.1 Dengan pengeluaran Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1969 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1970 adalah dibatalkan.

**TAN SRI OSMAN S. CASSIM,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR**

Tarikh: 4hb. Jun, 1984.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.

Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan.